

ABDULLAH MUNSHI SEBAGAI WATAK TERTAWAN DALAM TRAVELOGNYA *KISAH PELAYARAN ABDULLAH*

'COMMON ENGLISH CUSTOMS': THE CAPTIVE CHARACTER OF ABDULLAH MUNSHI IN HIS TRAVELOGUE, KISAH PELAYARAN ABDULLAH

Rahimah Hamdan¹

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
(Email: rahimahh@upm.edu.my)

Arba'ie Sujud²

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
(Email: arbaie@upm.edu.my)

Nik Nur Hasmiru Husna Bahari³

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

Received date: 14-03-2019

Revised date : 28-07-2019

Accepted date: 25-10-2019

Published date: 05-12-2019

To cite this document: Hamdan, R., Sujud, A., & Bahari, N. N. H. H. (2019). Abdullah Munshi Sebagai Watak Tertawan dalam Travelognya Kisah Pelayaran Abdullah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 63-76.

DOI: 10.35631/ijhpl.28005

Abstrak: Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti sikap tertawan Abdullah Munshi dalam karyanya dan menganalisis hubungannya dengan penganugerahan beliau sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden' oleh Barat. Keberanian Abdullah Munshi mencabar konvensi kesusasteraan yang sedia ada dan memperkenalkan acuan penulisan Barat kepada khalayak Melayu berjaya menobatkan beliau sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden'. Pengikhtirafan ini mengangkat beliau sebagai tokoh yang paling berwibawa dalam korpus kesusasteraan Melayu menurut perspektif kolonial Barat terutama dengan terkarang travelog pertamanya bertajuk Kisah Pelayaran Abdullah. Abdullah Munshi terus mendapat pengikhtirafan sehinggalah muncul beberapa sarjana yang mempertikai kredibiliti beliau sebagai tokoh yang tidak selayaknya meraih penobatan tersebut. Abdullah Munshi telah dilabel sebagai individu yang tertawan dengan setiap aspek perlakuan majikan Baratnya sebagaimana yang tergambar dalam karya magnum opus beliau. Bertitik-tolak daripada fenomena inilah, kajian menggunakan kaedah analisis teks terhadap travelog pertama Melayu iaitu Kisah Pelayaran Abdullah berdasarkan konsep watak tertawan oleh Syed Hussein Alatas. Dapatan kajian mendapati Abdullah Munshi menepati lima kriteria konsep watak tertawan oleh Syed Hussein Alatas. Ini bermakna Abdullah Munshi adalah watak yang tertawan dengan Barat sebagaimana yang dijelmakan sendiri oleh beliau menerusi travelognya. Rumusannya, dapatlah dibuktikan bahawa penobatan Abdullah Munshi sebagai

‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ sehingga menyebabkan kesusasteraan Melayu terbahagi kepada dua periodisasi merupakan agenda terbaik Barat untuk merelevankan kehadiran mereka di tanah jajahan khususnya Alam Melayu.

Kata kunci: Autobiografi, watak tertawan, Kisah Pelayaran Abdullah, Hikayat Abdullah, Syed Hussien Alatas

Abstract: *This paper was aimed at identifying the captive attitude of Abdullah Munshi in his writings and to analyse its relationship to his conferment of the title ‘The Father of Modern Malay Literature’ by the West. It was Abdullah Munshi’s courage in challenging the existing literary conventions and in introducing a Western style of writing to Malay audiences that earned him this title. This recognition made him the most credible Malay literary figure from the perspective of the Western colonialists, especially with the writing of his first travelogue, Kisah Pelayaran Abdullah. His reputation continued to rise until several scholars began to dispute his credibility by arguing that he did not deserve to be recognised as such. He was labelled as an individual who was captivated by everything concerning his Western benefactors, as mirrored in his magnum opus. With this phenomenon in mind, the text analysis method was applied, based on Syed Hussein Alatas’ concept of a captive character, to the first Malay travelogue, Kisah Pelayaran Abdullah. The findings of this study revealed that Abdullah Munshi was a person whose character conformed to five basic criteria underlining this concept namely, a person who copies the activities of Westerners and regards them as beneficial; a person who is unable to raise new questions in life; a person who regards Western knowledge to be the best; a person who accepts the suggestions of Westerners without objection; and a person who thinks so highly of the West that he fails to realize that he himself has become a captive. This means that Abdullah Munshi was a person who was a captive of the West, as he himself revealed in his travelogue. To summarize, it can be proven that the recognition accorded to Abdullah Munshi as ‘The Father of Modern Malay Literature’, which led to the separation of Malay literature into two periods, was the best agenda by the West to ensure the relevance of their presence in the colonies, particularly in the Malay World.*

Keywords: *Autobiography, captive character, Kisah Pelayaran Abdullah, Syed Hussein Alatas*

Pengenalan

Abad ke 19 Masihi terpahat dalam catatan sejarah sebagai zaman penjajahan kolonial Barat di Alam Melayu. Abad ini menyaksikan kedatangan kuasa-kuasa kolonial Barat yang pada dasarnya bermatlamat untuk menguasai bahan-bahan mentah di Alam Melayu (Leur 1955; Vlekke 1965; Bastin 1965; Andaya & Andaya 2015). Dengan matlamat ini, kolonial British kemudiannya berupaya menguasai kepentingan ekonomi di Tanah Melayu. Demikian juga dengan kolonial Belanda di Sumatera, Pulau Jawa dan sekitarnya. Dalam konteks ini, apa yang lebih menarik ialah strategi yang diguna pakai oleh kedua-dua kuasa kolonial itu dalam merealisasikan matlamat penjajahan mereka. Kuasa-kuasa kolonial pada ketika itu berpendirian bahawa matlamat untuk menguasai bahan-bahan mentah dapat dicapai dengan mudah dan berkesan, jika mereka turut menguasai politik dan sosial khususnya kebudayaan peribumi yang dijajah (Al-Attas 1969; Milner 1995; Cohn 1996; Ungku Maimunah Mohd.Tahir 2009). Pendirian ini kemudiannya melahirkan strategi-strategi kolonial yang bertujuan untuk ‘melembutkan’ matlamat bagi mendapatkan bahan-bahan mentah (Gullick 1995). Dengan kata lain, penjajahan oleh kolonial British dan Belanda di Alam Melayu

distrategikan secara sistematik, supaya peribumi sendiri menganggap penjajahan itu sebagai ‘satu kebaikan’ yang patut berlaku ke atas mereka (Alatas 1972; Stockwell 1982). Bagi menjayakan “misi kudus” itu, para pegawai kolonial British khususnya yang berkhidmat di Alam Melayu dituntut untuk mendalami kebudayaan Melayu. Tuntutan ini dengan sendirinya mendorong mereka untuk mempelajari bahasa dan kesusasteraan Melayu. Maka muncullah beberapa guru bahasa Melayu yang bertanggungjawab mengajar bahasa dan kebudayaan Melayu kepada para pegawai kolonial termasuklah Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (selepas ini dikenali sebagai Abdullah Munshi sahaja) (Wilkinson 1907; Milner 1995; Putten 2006; Ungku Maimunah Mohd.Tahir 2009).

Ternyata proses pemahaman budaya Melayu di kalangan para sarjana kolonial ini menyebabkan mereka terjebak untuk mengenali kesusasteraan Melayu. Maka muncullah sarjana seperti Wilkinson (1907) yang menyifatkan kesusasteraan Melayu sebagai karya yang ‘tiada nilai sastera’ apatah lagi jika diteruskan oleh masyarakat Melayu akan menyebabkan mereka semakin jauh daripada arus ketamadun bangsa. Sehubungan itu, gaya penulisan Barat perlu diperkenalkan kepada masyarakat tanah jajahan iaitu penulisan yang menitikberatkan realiti dalam hasil pengkaryaan. Untuk menyahut cabaran inilah, pada 27 Mac 1838, Abdullah Munshi menghasilkan sebuah travelog pertama Melayu bertajuk *Kisah Pelayaran Abdullah* yang merakamkan pengembaraannya ke Kelantan. Karya ini berteraskan idea realisme dalam penulisan sebagaimana pesanan Alfred North seorang mubaligh Amerika kepada Abdullah Munshi bahawa, “[...] whatever of interest [...] their rajas, laws and whatever Europeans would like to be informed of” (Skinner 1978: 481). Berteraskan kepada skema penulisan inilah, Abdullah Munshi didapati begitu kritikal melahirkan pendapatnya kepada raja dan masyarakat Melayu sehingga dipuji sebagai, “[...] a work of singular interest in beautiful Malay, and in all respects a new thing in the language”, yang akhirnya membawa kepada penobatan beliau sebagai ‘pengasas Kesusasteraan Melayu Moden’ oleh R.J.Wilkinson pada 1907 (Wilkinson 1907:60). Kemudian, R.J. Wilkinson yang merupakan setiausaha kepada Residen Perak mengangkat Abdullah Munshi sebagai ‘the pioneer of Modern Malay Literature’ menerusi penulisannya dalam *Papers on Malay Subjects* pada tahun 1907. Karya Abdullah Munshi terus dijadikan ‘model’ oleh sarjana pada zaman kolonial yang lain dalam usaha memahami *world view* dan etos masyarakat yang dijajah. Akhirnya pada tahun 1959, Abdullah Munshi dinobatkan secara rasminya sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ yang menandakan bermulanya pemisahan kesusasteraan Melayu kepada dua periodisasi iaitu tradisional dan moden (Skinner 1959).

Permasalahan Kajian

Pengiktirafan Abdullah Munshi sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ menurut Skinner (1959:6) adalah disebabkan oleh kesedaran tokoh ini untuk menyeru masyarakatnya agar membuang sikap, ‘katak di bawah tempurung’ yang diwarisi dalam kesusasteraan dan kebudayaan Melayu sekian lama. Secara tidak langsung, beliau mengharapkan pengarang Melayu agar maju ke hadapan dan berusaha untuk ‘keluar’ daripada konvensi kepengarangan tersebut. Alasan Skinner (1959:6) untuk mengangkat ketokohan Abdullah Munshi diperkuatkan oleh hujah beliau bahawa Abdullah mengarang dengan gayanya yang tersendiri tanpa model atau ikutan daripada individu Melayu terdahulunya. Tetapi, bagi pengarang Melayu selepas Abdullah, mereka mempunyai seorang ‘role model’ untuk diteladani. Berteraskan kepada faktor inilah, Abdullah Munshi selayaknya dinobatkan sebagai agen pembaharuan dalam Kesusasteraan Melayu. Pendapat Skinner dikembangkan oleh Ismail Hussein (1974) meletakkan pembahagian tradisional-moden dalam kesusasteraan Melayu berteraskan kepada pengenalan alat percetakan. Bagi beliau, alat percetakan bukan sahaja memberi perubahan kepada kesusasteraan Melayu tetapi turut merevolusikan konsep

kesusasteraan Melayu itu. Bertepatan dengan inilah penobatan tersebut selayaknya dianugerahkan kepada Abdullah Munshi kerana beliau merupakan ‘Bapa Percetakan Melayu’ (Gallop 1990). Bermula di sinilah nama Abdullah Munshi harus dinobatkan sebagai pengasasnya kerana hubungannya dengan percetakan. Nama sarjana lain yang memperakui penobatan Abdullah Munshi berdasarkan gaya, “*individual, presenting a personal point of view and is one of the earliest expressions of the encounter between East and West*” adalah seperti A.Bakar Hamid (1979), Johns (1979), Yahya Ismail (1987) Kassim Ahmad (1981), Mohd.Taib Osman (1988), Chong (2018) dan beberapa yang lain (sekadar menyebut beberapa nama).

Walaupun Abdullah Munshi berjaya memperkenalkan satu perspektif baharu dalam dunia kesusasteraan Melayu sehingga dinobatkan sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ namun sumbangan beliau tetap diragui malah ditolak penobatannya. Barisan sarjana ini juga turut memperkenalkan tokoh-tokoh lain yang menurut mereka lebih layak merangkul penobatan itu seperti Hamzah Fansuri, Mohamad Salleh Perang dan beberapa yang lain kerana eratnya hubungan pengarang dan karyanya dengan masyarakat. Misalnya penolakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1971), Sweeney dan Phillip (1975), Sweeney (1980), (Ras 1985), Watson (1989), Ungku Maimunah Mohd.Tahir (1997) dan beberapa yang (sekadar menyebut beberapa nama). Rentetan daripada sinilah terdapat segolongan sarjana yang berpendapat bahawa Abdullah Munshi diangkat sebagai pelopor sastera moden kerana kekaguman serta tertawannya beliau kepada Barat (Siti Aisah Murad 1996). Ini disokong oleh Sweeney (2005) yang turut melabelkan Abdullah Munshi sebagai ‘tali barut Barat’ serta Noriah Taslim (2016) yang merincikan puji-pujian Abdullah Munshi terhadap Barat sebagai masyarakat berakal, elok budi pekerti dan bertamadun jauh daripada yang dikecapi oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, adakah Bapa Kesusasteraan Melayu Moden ini hakikatnya tertawan dengan Barat sehingga menganggap setiap yang diperkenalkan oleh Barat adalah terbaik bagi masyarakatnya? Adakah beliau sendiri merupakan ‘watak tertawan’ dalam travelognya? Jika benar, apakah hubungan ‘tertawannya’ beliau dengan penobatan berprestij ini? Bertitik-tolak daripada inilah, kajian dilakukan terhadap travelog Melayu pertama oleh Abdullah Munshi bertajuk *Kisah Pelayaran Abdullah* yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad (1970) dengan dua objektif iaitu untuk mengenalpasti watak tertawan Abdullah Munshi dalam karyanya dan menganalisis hubungannya dengan penganugerahan beliau sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ oleh Barat.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap karya *Kisah Pelayaran Abdullah* (1970) dengan berfokuskan kepada empat aktiviti bagi menyelesaikan dua objektif kajian masing-masing. Bagi menyelesaikan objektif pertama iaitu untuk mengenalpasti watak tertawan Abdullah Munshi dalam karyanya, aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Menghuraikan konsep ‘watak tertawan’ menurut perspektif sarjana
- ii. Menghubungkan konsep tersebut dengan watak Abdullah Munshi dalam karya travelognya

Bagi menyelesaikan aktiviti 1 iaitu menghuraikan konsep ‘watak tertawan’ menurut perspektif sarjana, didapati hanya sarjana tersohor Syed Hussein Alatas (2005) sahaja yang melakukan kajian berhubung konsep ini terhadap masyarakat Melayu. Beliau yang terpanggil untuk memperbetulkan kajian-kajian Barat yang kebanyakannya berprasangka negatif terhadap masyarakat Melayu. Isu ‘peribumi malas’, ‘bebalisme’ dan ‘minda tertawan’ diangkat dalam kajian beliau (Syed Hussein Alatas 2005). Menerusi konsep ‘minda tertawan’

maka lahirlah ‘watak tertawan’ yang tidak sanggup bercanggah secara ilmiah dengan aliran daripada pihak Barat (Syed Hussein Alatas 2005). Rentetan itu, beliau telah menggariskan lima aspek ‘watak tertawan’ khususnya kepada Barat iaitu:

- i. Watak yang meniru aktiviti pihak Barat yang dianggap bermanfaat
- ii. Watak yang tidak mampu menimbulkan persoalan baharu dalam kehidupan
- iii. Watak yang menganggap ilmu Barat adalah terbaik
- iv. Watak yang menerima cadangan Barat tanpa membantah
- v. Watak yang menyanjungi Barat tanpa menyedari dirinya telah tertawan

Sehubungan itu, bagi menyelesaikan aktiviti 2, kerangka ‘watak tertawan’ oleh Syed Hussein Alatas akan dihubungkan dengan watak Abdullah Munshi dalam karya travelog Melayu pertamanya iaitu *Kisah Pelayaran Abdullah* (1970). Ini seterusnya akan membawa kepada penyelesaian objektif kedua iaitu, menganalisis hubungan ‘watak tertawan’ Abdullah Munshi dengan penganugerahan beliau sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ oleh Barat.

Dapatan Kajian

Menurut Syed Hussein Alatas (2005:1), ‘watak tertawan’ dalam masyarakat muncul kesan kolonialisasi tanah jajahan oleh Barat. Pendapat ini diperakui oleh Azhar Ibrahim Alwee (2009) dan Zaharhanum Kamarudin (2015) yang berpendapat bahawa ‘watak tertawan’ berlaku dalam masyarakat yang pernah dijajah kerana menganggap setiap tindakan pihak Barat adalah tepat, benar serta wajar dicontohi tanpa memikirkan kesesuaian serta kesan tindakan tersebut. Justeru, meneliti *Kisah Pelayaran Abdullah* (1970), kajian ini dapat membuktikan adakah pengarangnya iaitu Abdullah Munshi merupakan ‘watak tertawan’ dalam hasil karyanya sendiri? Apakah ‘tertawannya’ tokoh ini kepada Barat merupakan pencetus kepada penganugerahan beliau sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ oleh Barat juga? Konsep ‘watak tertawan’ Syed Hussein Alatas (2005) (selepas ini dikenali sebagai Alatas sahaja) akan memperjelaskan fenomena ini.

Watak Yang Meniru Aktiviti Pihak Barat Yang Dianggap Bermanfaat

Menurut Alatas (2005), sifat peniru dalam diri individu terbahagi kepada dua iaitu peniruan rasional dan peniruan yang tidak rasional. Peniruan rasional ini terjadi apabila seseorang mengikuti unsur budaya luar dengan sebab-sebab tertentu yang dianggap rasional. Seterusnya, peniruan yang tidak rasional pula berlaku apabila seseorang terpengaruh dengan unsur budaya luar dan langsung menerima budaya tersebut tanpa melakukan pertimbangan sama ada ianya perlu atau tidak. Meneliti *Kisah Pelayaran Abdullah* (1970), didapati Abdullah Munshi sebagai watak utama dalam travelognya itu sentiasa memuji setiap perbuatan dan perlakuan yang dilakukan oleh pihak Barat. Malahan, beliau turut mencontohi dan menerapkannya dalam kehidupan seperti petikan di bawah:

“[...] Hatta, ada-lah kira2 sa-jam lama-nya sahaya di-situ, lalu bermohon-lah hendak kembali ka-perahu. Maka lalu turun-lah sahaya berjalan-jalan melihat-lihat kampong dan pasar di-situ. Maka banyak-lah orang berkampong, beratus-ratus mengikut sahaya. Maka **sahaya menulis-lah sa-panjang jalan itu, karena mengambil ingatan apa2 yang bertemu dan yang di-lihat. Maka itu-lah menjadi suatu heran kapada mereka itu, karena menulis sambil berjalan.** Sahaya dengar kata mereka itu, “**Pandai sungguh orang timor ini; tahu bahasa orang puteh dan lagi boleh menulis sambil berjalan dan berdiri**” [...]”.

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 81)

Perlakuan mencatat apa sahaja yang difikirkan penting untuk diingati merupakan sesuatu yang amat janggal dalam budaya masyarakat Melayu. Apatah lagi ‘menulis sambil berjalan’ merupakan satu perlakuan yang dianggap ‘menunjuk-nunjuk’ bagi masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, masyarakat Barat menganggapnya sebagai satu perlakuan yang positif dan cintakan ilmu sebagaimana pujian yang diberikan oleh Abdullah Munshi kepada Stamford Raffles yang suka mencatat tidak kira di mana pun beliau berada serta sentiasa duduk dengan berfikir. Keadaan ini menjadi satu kebanggaan buat Abdullah Munshi yang mendorong beliau untuk meniru perbuatan masyarakat Barat tersebut. Aspek pujian dan peniruan yang paling menonjol dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* yang membawa kepada watak tertawan Abdullah Munshi adalah menerusi kritikan yang dilakukan oleh Abdullah Munshi itu sendiri. Sikap Abdullah Munshi yang terlalu berani menegur dan mengkritik secara tajam terhadap raja-raja Melayu menggambarkan betapa pemikiran beliau terpengaruh dengan cara masyarakat Barat yang mementingkan terus-terang dan kritikal dalam penulisan seperti petikan berikut:

“[...] Shahdan, jikalau di-sampaikan Allah kira-nya hikayatku ini ka-dalam tangan raja2, maka apabila di-dengar-nya perkataan yang benar ini, maka hubaya2 jangan-lah kira-nya tuanku murka akan patek. Maka jikalau kira-nya murka juga tuanku, ada-lah seperti perumpamaan: Sa-ekor kuman di-benua China kelihatan pada mata-nya, tetapi sa-ekor gajah bertenggek di-atas hidong-nya ia tiada sedar, adanya. **Dan lagi, sahaya memohonkan ampun; maka ada-lah sahaya ini telah biasa dalam ‘adat2 Inggeris. Maka ‘adat itu meluluskan yang boleh sahaya menegorkan kelakuan raja2 yang tiada berpatutan, dengan tiada kena hukum bunuh atau rampas, ada-nya [...]**”.

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 110)

Berdasarkan petikan teks tersebut menunjukkan Abdullah Munshi meniru gaya kritikan ala Barat. Abdullah Munshi mengakui bahawa beliau mengkritik raja-raja Melayu berlandaskan cara penulisan Barat yang secara tidak langsung menggambarkan watak tertawan Abdullah Munshi yang terlalu kuat terhadap Barat. Hal ini demikian kerana, beliau tidak malu untuk mengakui bahawa dirinya lebih mengikuti budaya Barat daripada Melayu itu sendiri yang lebih telus dan kritikal. Nyata bahawa Abdullah Munshi mempraktikkan peniruan rasional sebagaimana yang dinyatakan dalam konsep ‘watak tertawan’ oleh Alatas (2005) kerana manfaat yang boleh diperolehi oleh masyarakatnya jika diamalkan dalam kehidupan.

Watak Yang Tidak Mampu Menimbulkan Persoalan Baharu Dalam Kehidupan

Menuurt Alatas (2005), watak ini tidak mampu menimbulkan persoalan baharu yang diperlukan oleh lingkungan hidupnya sebaliknya hanya meneruskan apa sahaja perkara yang telah ditimbulkan oleh pihak Barat. Misalnya menurut Alatas (2005), persoalan mengenai penjagaan alam sekitar yang ditimbulkan oleh Barat kepada masyarakat Melayu setelah merdeka. Isu ini tidak pernah diendahkan malah dianggap penting oleh masyarakat Melayu tetapi setelah dibangkitkan oleh pihak Barat tentang pentingnya penjagaan alam sekitar barulah masyarakat Melayu mula merasi kepentingannya. Meneliti *Kisah Pelayaran Abdullah* (1970) mendapati bahawa ‘watak tertawan’ Abdullah Munshi dari aspek kepentingan terhadap perkara yang diamalkan oleh Barat terserlah melalui pandangannya terhadap masyarakat Melayu. Melalui pemerhatian Abdullah Munshi, beliau menyimpulkan masyarakat Melayu akan terus jauh dari ketamadunan jika mereka masih melakukan perkara

yang berfaedah dalam kehidupan sehari-hari. Ini dibuktikan menerusi kritiknya terhadap masyarakat Melayu seperti petikan berikut:

[...] Maka ada-lah sebab sangkanya yang salah, seperti yang tersebut itu tadi, mendatangkan beberapa ribu orang yang tiada tahu membaca surat dan menyurat dan dudok dalam bodoh dengan buta mata-nya; kayu di-katakan-nya batu dan langit hendak di-chapai-nya dengan tangan-nya. Maka bukan-kah beberapa banyak guna-nya jikalau kita pandai dalam bahasa basahan sa-hari²? **Maka apabila kebanyakan kelak orang yang telah pandai dan mengetahui kesedapan bahasa dan rahasia-nya, maka bertambah-tambah pula beberapa keelokan dan tertib serta adab pada barang kelakuan-nya, istimewa pula bagi segala raja² dan orang besar² dan pegawai² memeliharakan bahasa itu serta ia mengusahakan mengajarkan dia kepada segala kaum keluarga-nya dan ra'yat sakai-nya. Maka jikalau kira-nya banyak anak² raja² dan orang yang pandai menulis dan membaca serta mengetahui akan erti-nya, dan mengarang, bukan-kah kemuliaan besar, ada-nya [...]**".

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 37-38)

Berdasarkan perikan dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* di atas, aspek kepentingan terhadap perkara yang dilakukan oleh Barat adalah berdasarkan pandangan dan kritikan Abdullah Munshi terhadap masyarakat Melayu yang tidak mementingkan ilmu. Sebagai individu yang berada di bawah pentadbiran kolonialisasi Barat, Abdullah Munshi berpendapat bahawa masyarakat Melayu tidak bertamadun dan dianggap bodoh kerana tidak mahu belajar dan mencintai ilmu. Masyarakat Barat amat mementingkan ilmu yang mendorong mereka menjadi suatu bangsa yang maju dan moden. Menurut Abdullah Munshi, hegemoni kuasa terhadap Tanah Melayu dengan membawa budaya mereka dalam kehidupan masyarakat Melayu termasuklah kepentingan menuntut ilmu adalah sesuatu yang patut dicontohi oleh masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, cara Abdullah Munshi mengkritik masyarakat Melayu yang tidak belajar ilmu dianggap melampaui batas kerana dalam kehidupan masyarakat Melayu untuk menegur perlu mengikuti cara yang betul dan tidak menggunakan kata-kata sensitif seperti yang dinyatakan oleh Abdullah Munshi dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*. Keadaan ini disebabkan oleh tertawannya Abdullah Munshi terhadap ilmu yang dibawa dari Barat iaitu kritikan secara terus terhadap sesuatu perkara. Oleh itu dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*, 'watak tertawan' Abdullah Munshi dapat dilihat melalui kepentingan ilmu oleh Barat. Ampuan Haji Ibrahim Ampuan Haji Tengah (2000: 127) berpendapat bahawa sikap Abdullah Munshi yang terlalu memandang tinggi akan cara kehidupan dan pemikiran Barat sehingga beliau berani memandang rendah dan memburuk-burukkan raja yang merupakan penaung kuasa bagi masyarakat Melayu. Melalui kritikan tersebut menunjukkan bagaimana Abdullah Munshi yang terlalu mementingkan ilmu dan memihak kepada Barat yang dianggap berilmu berbanding masyarakatnya sendiri.

Berdasarkan petikan yang menunjukkan kepentingan ilmu dan ekonomi dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* aspek watak tertawan ini memenuhi kriteria watak tertawan oleh Syed Hussien Alatas. Kriteria tersebut ialah di mana watak tertawan tidak mampu menimbulkan persoalan baru yang diperlukan dalam lingkungan hidupnya. Begitu juga, sikap Abdullah Munshi yang digambarkan dalam karyanya itu di mana beliau hanya mementingkan dan meneruskan perkara yang dibawa oleh Barat. Kenyataan ini disokong oleh Zahir Ahmad, Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi dan Madiawati Mustaffa (2007: 232) yang menyatakan Abdullah Munshi mahu mengubah pemikiran lama orang Melayu kepada pemikiran dengan

menceritakan perubahan pesat yang berlaku di pusat-pusat bandar kolonial. Keadaan ini membuktikan sikap Abdullah Munshi yang tidak mampu menimbulkan persoalan yang diperlukan dalam lingkungan hidupnya.

Contoh petikan daripada *aberkait* rapat dengan penobatannya sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ berdasarkan ketertawannya kepada Barat. Hal ini demikian kerana, Abdullah Munshi mengkritik masyarakat dan raja-raja Melayu. Pada masa yang sama, beliau memuji Barat secara berlebih-lebihan. Selain itu, karya Abdullah Munshi diterima oleh Barat dan dianggap sebagai laporan mengenai kehidupan masyarakat Melayu. Bertepatan dengan pendapat Sweeney (2005: 13) yang menyatakan catatan Abdullah Munshi diterima oleh Barat sebagai ‘laporan orang Barat’ mengenai masyarakat Melayu yang digambarkan tidak bertamadun serta hidup dengan tidak berilmu. Kenyataan ini disokong oleh Hassan Ahmad (2010: 60) menyatakan kehidupan masyarakat Melayu yang suka melakukan perkara sia-sia seperti menyabung ayam, menembak itik serta menembak monyet untuk tujuan suka-suka sahaja. Keadaan ini mendorong Abdullah Munshi digelar sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ oleh Barat kerana beliau menunjukkan keakrabannya terhadap Barat dalam karya tersebut. Penobatan ini juga disebabkan Barat melihat Abdullah Munshi mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi berbanding masyarakatnya dan penting untuk diberi pengikhtifaran sewajarnya.

Watak Yang Menganggap Ilmu Barat Adalah Terbaik

Menurut Alatas (2005), fenomena ini berlaku apabila watak mendapat pendidikan secara langsung daripada instituti pendidikan di Barat atau mempelajari bahan bacaan dari Barat. Keadaan ini jelas menunjukkan seseorang itu merupakan ‘watak tertawan’ tanpa mereka sedari. Misalnya, fenomena di mana mereka mula merasakan bahawa perlunya mempelajari bahasa Inggeris, menggunakan bahan bacaan dari Barat serta melanjutkan pelajaran di Barat untuk menjadi seorang yang berjaya dalam kehidupan. Individu yang tertawan dengan Barat akan mempunyai keinginan yang kuat untuk mempelajari ilmu Barat yang dipandang tinggi berbanding bahasa Melayu sendiri. *Kisah Pelayaran Abdullah* memiliki aspek ini yang mengukuhkan lagi watak tertawan Abdullah Munshi. Watak tertawan ini timbul apabila Abdullah Munshi sangat menginginkan ilmu Barat untuk dipelajarinya. Abdullah Munshi tidak menunjukkan kesungguhannya untuk mempelajari bahasa lain kecuali bahasa Inggeris sahaja. Kesungguhan ini mendorong beliau sanggup melakukan apa cara sekali pun supaya beliau dapat memahami bahasa tersebut. Meneliti *Kisah Pelayaran Abdullah*, didapati beberapa episod yang memenuhi aspek watak tertawan iaitu keinginan menggunakan bahan bacaan serta belajar di Barat. Misalnya episod Abdullah Munshi sebagai seorang yang fasih berbahasa Inggeris dan Melayu menarik minat pihak kolonila Barat untuk bersama-sama belayar ke kawasan Pantai Timur Tanah Melayu. Meskipun, berada di kawasan masyarakat Melayu yang tidak tahu berbahasa Inggeris, namun beliau tetap menyerlahkan watak tertawannya terhadap bahasa Inggeris menerusi petikan tersebut:

“[...] Maka pada ketika itu, dengan sa-boleh-boleh-nya kita keluarkan segala hutang-piutang itu, satu pitis pun tiada boleh hilang; dan kalau ia hidup, sa-kali2 tiada boleh hilang. Dan lagi sekarang segala sampan pukut itu pun sudah keluar, tiada tinggal lagi dalam sungai, melainkan ada sa-buah di-kuala hendak berlayar. ‘Maka segala perkataan Raja Bendahara itu pun semua-nya sahaya sampaikan kepada Grandpre dengan bahasa Inggeris’ [...]”.

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 71)

Berdasarkan petikan dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*, meskipun tidak menunjukkan aspek penggunaan bahan bacaan terus dari Barat ataupun belajar di Barat, namun Abdullah Munshi tetap menggunakan bahasa Inggeris bagi menunjukkan kesungguhannya yang berjaya mempelajari dan memahami bahasa Inggeris dengan baik. Keadaan ini timbul apabila, Abdullah Munshi yang mempunyai kepentingan dalam pelayaran ke Kelantan iaitu sebagai penterjemah kepada pegawai Barat iaitu Grandpre. Ini jelas menunjukkan watak tertawan Abdullah Munshi di mana beliau menunjukkan sikap bangga apabila menterjemah segala kata-kata Raja Bendahara dalam bahasa Inggeris kepada Grandpre. Petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa Abdullah Munshi telah mempelajari bahasa Inggeris dengan bersungguh-sungguh sehinggakan beliau dapat memahami setiap perkataan serta fasih berbahasa Inggeris.

Berdasarkan ciri-ciri watak tertawan yang digariskan oleh Aalatas (2005) menepati aspek watak tertawan Abdullah Munshi mengenai keinginannya mempelajari bahasa Inggeris. Aspek watak tertawan yang aspek watak tertawan tersebut ialah pada ciri yang ketiga iaitu watak tertawan ini mendapat pendidikan langsung di institusi Barat dan menggunakan semua bahan bacaan dari Barat. Meskipun Abdullah Munshi tidak mendapat pendidikan di Barat, namun beliau tetap menggunakan bahan bacaan dari Barat sebagai rujukan untuk mempelajari bahasa Inggeris sehingga beliau fasih dan memahami bahasa tersebut yang memperjelaskan lagi 'tertawannya' beliau terhadap pihak Barat.

Melalui aspek watak tertawan yang ketiga ini menegaskan lagi penobatan Abdullah Munshi sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden' diberikan oleh Barat. Hal ini demikian kerana, petikan di atas menjelaskan kesungguhan Abdullah Munshi yang ingin mengetahui bahasa Inggeris serta banyak merujuk bahan bacaan dari Barat adalah disebabkan oleh pergaulannya dengan orang Barat. Kesiediaan orang Barat mengajar Abdullah Munshi berbahasa Inggeris serta memberi beberapa buku dari Barat menunjukkan bahawa mereka sangat senang bergaul dengan Abdullah Munshi. Penguasaan dalam bahasa Inggeris menyebabkan Abdullah Munshi amat dibanggakan oleh sarjana kolonial Barat sehingga membawa kepada penobatan beliau sebagai 'Bapa Kesusasteraan Melayu Moden'. Tambahan pula, sikap Abdullah Munshi yang menceritakan segala kebaikan orang Barat di dalam karyanya mengukuhkan lagi kenyataan bahawa penobatan tersebut berkait rapat dengan Barat.

Watak Yang Menerima Cadangan Barat Tanpa Membantah

Alatas (2005) menyifatkan kriteria ini sebagai watak yang menikmati keselesaan sepanjang keberadaan di bawah naungan Barat sehingga tidak menyedari dirinya tertawan. Apatah lagi watak ini tidak lagi kritikal terhadap apa sahaja yang diperkenalkan atau dicadangkan oleh Barat itu. Misalnya, istilah institusi yang diwujudkan oleh Barat sebagai simbol pusat pendidikan masih digunakan sehingga hari ini. Watak tertawan tidak akan menimbulkan sebarang istilah baharu bagi menggantikan istilah institusi dan mereka tidak mahu mencabar diri mereka itu untuk menentang perkara tersebut. Aspek 'watak tertawan' ini terdapat dalam diri Abdullah Munshi apabila beliau menerima sepenuhnya apa-apa istilah atau konsep yang diberikan oleh Barat. Malah beliau tidak pernah membantah atau cuba untuk menyanggah setiap perkara yang disajikan oleh Barat kepada masyarakat Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil karyanya dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* yang menggambarkan tentang kebebasan dalam kehidupan yang tidak pernah dikecapi selagi bergelar 'Melayu' seperti petikan berikut:

“[...] Demikian-lah hal sahaya semua-nya dudok dalam negeri Melayu, seperti dudok dalam neraka. **Maka terlalu-lah suka hati sahaya semua-nya hendak pindah ka-negeri orang puteh supaya boleh senang dan bebas.** Bagaimana, tuan, kalau raja orang puteh di-suroh-nya bekerja akan ra'yat-nya, ada-kah di-beri-nya upah atau tidak?’ Maka jawab sahaya, ‘Jangankan raja² di-sini, dan kalau sultan Inggeris itu sa-kali pun, jikalau ia hendak menyurohkan barang sesuatu pekerjaan-nya melainkan di-tentukan-nya upah-nya dahulu; kalau tidak, orang tidak mau kerja. **Dan lagi, sahaya orang dudok dalam negeri Inggeris saperti raja juga, boleh kita dudok bersama-sama dengan raja. Maka jikalau kita kaya, boleh kita membuat rumah atau memakai barang pakaian seperti raja, tiada menjadi larangan atau kesalahan ada-nya. Dan lagi ‘adat orang puteh itu, jikalau ra'yatnya menjadi kaya atau membuat barang pekerjaan yang boleh mendapat untong, ia suka juga [...]**”.

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 104)

Petikan dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* menjelaskan ‘watak tertawan’ Abdullah Munshi dari aspek kebebasan dalam negeri yang diberikan oleh Barat. Perkara ini dapat dilihat menerusi penjelasan yang diberikan oleh Abdullah Munshi terhadap perkara tersebut kepada masyarakat Melayu Kelantan yang berkaitan ekonomi. Abdullah Munshi menerangkan bagaimana konsep kebebasan dalam negeri yang diwujudkan oleh Barat pada fikirannya memberi kesenangan dan kebaikan kepada masyarakat Melayu di negeri Selat. Perbandingan ‘kebebasan’ berada di bawah naungan raja Melayu dan ‘raja putih’ memperjelaskan ‘tertawannya’ Abdullah Munshi kepada Barat. Beliau menyatakan kerterikatan masyarakat Melayu dengan konsep ‘daulat, tular dan derhaka’ antara rakyat dan pemerintah menyebabkan kekangan kepada kebebasan individu. Ternyata, Abdullah Munshi amat mengkaguminya dan terus tertawan dengan konsep kebebasan Barat yang dianggapnya bermanfaat kepada masyarakat Melayu. Sebagaimana pendapat Siti Aisah Murad (1990: 79) mengenai Abdullah Munshi yang menurut beliau sentiasa menyokong setiap perkara yang dilakukan oleh Barat walau terpaksa membantah arahan bapanya agar tidak belajar dengan paderi Inggeris di Anglo-Chinese College. Perkara ini menyebabkan orang Barat sentiasa kagum dengan kerterbukaan fikiran Abdullah Munshi yang dianggap ‘berfikiran moden’. Oleh itu, penobatan ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ kepada Abdullah Munshi memperlihatkan kewajarannya kerana perkara-perkara positif yang sentiasa dirakam oleh beliau mengenai Barat dalam karyanya.

Watak Yang Menyanjungi Barat Tanpa Menyedari Dirinya Telah Tertawan

Aspek ‘watak tertawan’ yang terakhir ialah perbuatan menyanjungi pihak luar tanpa menyedari keadaan diri yang sudah tertawan. Menerusi *Kamus Dewan* (2007: 1389), ‘menyanjungi’ bermaksud sangat menghargai sesuatu tokoh atau masyarakat yang dianggap baik dan berani serta meletakkan tokoh tersebut pada kedudukan yang mulia dan memuji mereka. Aspek watak tertawan yang menyanjungi Barat tanpa menyedari keadaan diri tertawan merupakan aspek paling ketara dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*. Aspek ini juga yang mendorong Abdullah Munshi untuk menghasilkan karya yang bersifat realisme mengikut konvensi kepengarangan Barat yang begitu menyimpang dengan konvensi kepengarang Melayu. Selain itu, penulisan beliau yang begitu menyanjungi Barat dan mengkritik masyarakat Melayu merupakan aspek ketertawanan yang ada dalam diri Abdullah Munshi tanpa disedari. *Kisah Pelayaran Abdullah* memperlihatkan watak tertawan yang ketara dalam diri Abdullah Munshi iaitu:

“[...] Shahdan, maka berfikir-fikir-lah sahaya sendiri sambil sahaya bandingkan, **lalu terkenang-lah sahaya akan hal dan ‘adat’ dan kesenangan orang yang dudok di-bawah perintah Inggeris; karena ada-lah hal orang itu masing2 saperti raja juga ada-nya, dengan tiada sa-orang takut akan sa-orang, dan tiada boleh sa-orang menganiayai akan sa-orang**, sebab segala perintah dan hukum-nya itu menuju kepada suatu perkara yang besar, yaitu kesenangan hati bagi segala ra’yat-nya juga [...]”.

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 45)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan aspek watak tertawan yang sudah ada dalam diri Abdullah Munshi tanpa beliau sedari. Petikan di atas menunjukkan bagaimana Abdullah Munshi yang memerhati kehidupan masyarakat Melayu yang dianggap tidak bertamadun, sentiasa membuang masa dengan perkara sia-sia berbanding kehidupan di bawah pemerintahan Barat yang dianggap lebih baik. Abdullah Munshi yang selesai dengan pemerintahan Barat menyanjung dan menyatakan kesyukurannya kerana tidak ditakdirkan hidup di bawah pemerintahan raja Melayu yang menganiayai kehidupan rakyatnya. Bertepatan dengan pendapat Mohd. Yusof Hasan (2012: 240) di mana pada akhir pelayaran tersebut, Abdullah Munshi berasa lega apabila sampai kembali Negeri Selat serta menyatakan betapa bertuahnya beliau berada di bawah naungan Inggeris yang aman serta tidak merasa seksa dan sengsara.

Kisah Pelayaran Abdullah juga menunjukkan bagaimana hormatnya Abdullah Munshi kepada ‘raja putih’ yang merupakan majikannya. Gelaran ‘secara tidak langsung menunjukkan ketaksuban Abdullah Munshi kepada Barat sehingga membawa kepada ketertawan beliau. Petikan di bawah membuktikan pernyataan ini:

“[...] Kalakian, sa-telah itu, maka di-sediakan dua buah sekochi-sa-buah sekochi **Tuan Scott** yang bernama Maggie Lauder, dan sa-buah sekochi **Tuan Boustead** yang bernama Water-witch. Maka ada pukul empat petang, datang Baba Po Eng ka-rumah sahaya memanggil sahaya, kata-nya, ‘Ada satu pekerjaan boleh mendapat untong besar; sahaya sekalian hendak menyurohkan enchek pergi ka-Kelantan membawa surat kepada raja2 Kelantan.’ [...] karena sahaya dalam pekerjaan **Tuan North dan Tuan Travelli**; maka boleh sahaya memberitahu kepada tuan2 kedua itu.’ jikalau ia kasi izin boleh-lah sahaya pergi, ada-nya [...]”.

(*Kisah Pelayaran Abdullah* 1970: 24)

Watak tertawan dari aspek menyanjungi Barat tanpa menyedari keadaannya yang sudah tertawan bersesuaian dengan watak tertawan yang dinyatakan oleh Alatas (2005). Aspek watak tertawan tersebut ialah merupakan aspek yang paling menonjol iaitu watak tertawan ini tanpa menyedari bahawa keadaan mereka yang tertawan. Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya (2005) bersetuju dengan pandangan Alatas (2005) di mana watak tertawan yang mencapai tahap tidak menyedari akan keadaan mereka yang sudah tertawan merupakan satu masalah besar. Hal ini demikian kerana, mereka tidak lagi menganggap bahawa orang Barat sebagai masyarakat asing dan selesai menjalani kehidupan di bawah pemerintahan Barat.

Begitu juga dengan penobatan sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ yang sangat berkait dengan Barat. Aspek terakhir yang dilihat pada watak Abdullah Munshi dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* menonjolkan pembaharuan atau penyimpangan yang dilakukan oleh

beliau atas dasar kekaguman terhadap Barat. Keadaan ini memberi peluang kepada Barat untuk mengukuhkan kedudukan di Tanah Melayu agar dipandang mulia oleh masyarakat Melayu dengan sanjungan yang diberikan oleh Abdullah Munshi karya *magnum opusnya* itu.. Bagi membalas sanjungan yang diberikan oleh Abdullah Munshi, pihak Barat memberi gelaran kepadanya sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ atas penghasilan karya *Kisah Pelayaran Abdullah* walau penobatan Abdullah Munshi sebagai ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ tidak disokong oleh kebanyakan sarjana Melayu. Hashim Awang (1996: 134) menyatakan bagaimana Abdullah Munshi dianggap sebagai ‘pengampu’ Inggeris sekali gus menolak karya-karyanya yang mendedahkan keburukan Melayu. Tertawannya Abdullah kepada dalam karya-karyanya terutama *Kisah Pelayaran Abdullah* (1970) membuktikan wujudnya ‘kesendengan’ dalam penobatan anugerah tersohor itu kepada Abdullah Munshi yang diterima sehingga kini.

Kesimpulan

Penobatan Abdullah Munshi sebagai tokoh yang memisahkan kesusasteraan Melayu kepada dua periodisasi perlulah dikaji semula secara ilmiah. Seorang tokoh yang dinobatkan perlulah mewakili masyarakatnya. Apatah lagi ‘watak tertawan’ Abdullah Munshi yang ditonjolkan dalam karyanya jelas membuktikan beliau sendeng kepada Barat. Sebagaimana pendapat Ungku Maimunah (1997:186) bahawa masyarakat Melayu terpaksa menerima ‘Bapa Kesusasteraan Melayu Moden’ yang telah ‘menyinggung’ konvensi sastera Melayu (Ungku Maimunah 1997:186). Apatah lagi penganugerahan Abdullah Munshi ini melunakkan kehadiran Barat ke tanah jajahan sebagai satu kuasa yang mampu memberi kebaikan kepada peribumi. Ini bersesuaian dengan pendapat Cohn (1996:46) bahawa pihak penjajah sentiasa dalam muslihatnya iaitu memastikan kehadiran mereka di tanah jajahan disenangi selaras dengan motto, ‘*Knowledge is Power*’. Ini dibuktikan menerusi pengalaman British di India iaitu, “*To appear legitimate in the eyes of the Indians, the British thought they had to demonstrate respect and interest in those Indians and institutions that were the carriers of the traditions*”. Maka, tidak hairanlah jika formula ini diteruskan oleh mereka ketika menjajah Tanah Melayu. Manakala bagi sebahagian sarjana yang menolak penobatan Abdullah mempercayai bahawa pengarang ‘moden’ yang hebat adalah pengarang yang kembali bertanggungjawabnya kepada khalayaknya. Misalnya pendapat Wang Gungwu yang dipetik oleh Hadijah Rahmat (2001:57) bahawa, “[...] *the sense of community or social responsibility is stronger than a writer’s sense of individualism, and in fact the writer’s studied invariably present the perceived need to hold on to one’s culture in the face of change*”. Nyata, berdasarkan kajian ini konsep ‘watak tertawan’ oleh Alatas (2005) sangat menepati Abdullah Munshi dalam karyanya. Oleh itu, kajian-kajian lain yang mampu mencabar apa yang diwarisi sejak zaman kolonial ini perlulah diteruskan agar sesuatu yang benar dan telus dapat dihidangkan demi manfaat tanahair tercinta.

Rujukan

- A.Bakar Hamid.(1979). *Diskusi Sastera, Jil.II: Kesusasteraan Moden*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alatas, Syed Hussein. (1972). *Modernisation and Social Change*. Sydney: Angus dan Robertson Publishers.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1971). *Concluding Postscript to the Origin of Malay Shair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. (2000). Perbandingan antara Abdullah Munsyi dengan Pangeran Shahbandar Mohammad Salleh. *Jurnal Pangsura*, 6(11): 121-129.
- Andaya, B.W. dan Andaya, L.Y. (2015). *A History of Early Modern Southeast Asia, 1400-1830*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Azhar Ibrahim Alwee. (2009). Menghadapi Watak dan Minda Tertawan: Pemerian, Penyanggahan dan Pemithalan daripada Syed Hussien Alatas. Seminar Antarabangsa Legasi Pemikiran Syed Hussien Alatas, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, 4 hingga 6 Ogos.
- Bastin, J.A. (1965). *The British in West Sumatera*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Chong, A. (2018). Ethical Political Economy: Lessons from the Malay World's *Hikayat Abdullah* (1849). *Asian Journal of Comparative Politics*, 3 (3): 219-231.
- Cohn, B.S. (1996). *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Gallop, A. T. (1990). Early Malay Printing: An Introduction to British Library Collections, *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 63, 1 (258): 85-124.
- Gullick, J.M. (1995). *Adventures and Encounters: European in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hassan Ahmad. (2010). *Beyond 'Post-Modernism' : Revisiting The Malay-Muslim Akal and The Construction of The Malay Grand Narrative*. Kuala Lumpur : IIUM.
- Ismail Hussein.(1974). *Sastera dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Zakry Abadi.
- John.A.H. (1979). 'The Turning Image and Reality in Malay Perceptions of the Past'. In A.Reid & D.Marr. *Perceptions of the Past in Southeast Asia*. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (pnyt). (1970). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Kassim Ahmad. 1981. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Leur, J.C.van. (1955). *Indonesian Trade and Society*. The Hague/Bandung: Van Hoeve.
- Milner, A.C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Tucson, Arizona: The University of Arizona Press.
- Milner, A. (1995). *The Inventions of Politics in Colonial Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya. (2005). *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd.Taib Osman. (1988), 'Moden Malay Literature', In Muhammad Hj.Salleh, *An Anthology of Contemporary Malaysian Literature*, p.281-293, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (2012). *Minda Global Melayu*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noriah Taslim (2016). *Kolonialisme dan Fenomena Sastera Abad Peralihan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Putten, J.van de. (2006). Abdullah Munshi and the Missionaries. *Bidragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* (BKI), 162 (4):407-440.
- Ras, J.J. (1985). 'Book-reviews. Ahmad Rijaluddin's *Hikayat Perintah Negeri Bengkulu* Edited and Translated by C.Skinner'. *Journal of Southeast Asian Studies*, vol.xvi (2):341.
- Siti Aisah Murad. (1996). *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Skinner, C. (1959). *Prosa Melayu Baharu*. London: Longmans.
- Skinner, C. (1978), 'Transitional Malay Literature. Part 1. Ahmad Rijaluddin and Munshi Abdullah', *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 134 (3,): 466-487.
- Stockwell, A.J. (1982). The White Man Burden's and Brown Humanity: Colonialism and Ethnicity in British Malaya. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 10 (1):55-57.
- Sweeney, A. and Phillips, N. (1975). *The Voyages of Mohamed Ibrahim Munshi*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, A. (1980). *Reputations Live on: Live on: An Early Malay Autobiography*. Berkeley: University of California Press.
- Ungku Maimunah Mohd.Tahir. (1997). 'R.J.Wilkinson dan Pensejarahan Kesusasteran Melayu Moden'. In.Shafie Abu Bakar & Mohamed Anwar Omar Din (Eds). *Peradaban Melayu*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd.Tahir. (2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Vlekke, B.H.M. (1965). *Nusantara: A History of Indonesia*. The Hague: W.Van Hoeve Ltd.
- Watson, C.W. 1989. 'The Study of Indonesian and Malay Autobiography'. *Indonesia Circle*, No.49 (6):3-18.
- Wilkinson, R.J. (1907). *Papers on Malay Subject. Malay Literature 1; Romance, History and Poetry*. Kuala Lumpur: FMS. Government Press.
- Yahya Ismail.(1987). *Sejarah Sastra Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharahanum Kamarudin. (2015). Bahasa Inggeris Wahana Pendidikan: Minda yang Masih Tertawan. *Dewan Bahasa.*, 8.
- Zahir Ahmad dan Taufik Arridzo Mohd Balwi. (2006). Munsyi Abdullah Sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden: Satu Tafsiran. *Wacana Minda Munsyi Abdullah*.